

DATE: 12/04/1983

Mahathir lawat Kedah Merlin Inn

ALUR-SETAR 11 April — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah melawat Kedah Merlin Inn, sebuah hotel antara-bangsa usahasama Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dengan Kumpulan Faber Merlin di Jalan Sultan Badli di sini pagi ini.


Lawatan tersebut bertujuan melihat secara lebih dekat suasana dan keadaan hotel tersebut yang merupakan hotel terkemuka di negeri ini sehingga ini.

Lawatan selama 40 minit itu, bermula kira-kira pukul 11.00 pagi tadi adalah di antara lawatan-lawatan tidak rasmi beliau sempena keputingannya ke Kedah untuk menghadiri majlis kenduri di Jitra.

Sebelum melawat Merlin Inn, Perdana Menteri juga telah melawat kompleks perniagaan pekan Rabu yang merupakan pusat membeli-belah berbagai jenis barang di sini.

Di Merlin Inn Kedah, Datuk Sri Dr. Mahathir disambut oleh Pengurus Besar, Encik Mokhtar Mohd. Khir yang kemudian dibawa melawat Restoran Bunga Emas, Inai Coffee House, kelab disco dan meninjau bilik-bilik di hotel tersebut.

Perdana Menteri juga sempat berbual-bual dengan para pegawai serta kakitangan hotel tersebut sebelum beredar kira-kira pukul 11.30 pagi.



Pengeluar timah tempatan sokong beli timah dari GSA

PENGELUAR-pengeluar timah tempatan menyokong rancangan kerajaan membeli timah dari simpanan Perkhidmatan Pentadbiran Am (GSA) Amerika Syarikat sebagai usaha menstabilkan harga logam itu.

Mereka mensifatkan langkah kerajaan itu sebagai praktikal untuk melindungi pasaran timah dari mengalami harga turun naik yang meluas bila sahaja berlaku penjualan logam dari simpanan GSA.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam membayangkan kemungkinan tindakan kerajaan itu

semasa beliau menemui Dr. Paul Wolfoqitz, Penolong Setiausaha Negara Amerika bagi Hal Ehwal Timur Jauh dan Pasifik pada hari Sabtu lalu.

Pada hari Ahad pula, Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Persatuan Negara-Negara Pengeluar Timah (ATPC) juga boleh berbuat demikian walaupun pembelian dari penjualan GSA itu bukanlah menjadi matlamat utama persatuan tersebut.

Datuk Hew See Tong, Presiden Persatuan Perlombongan Cina Malaya berkata cadangan membeli jualan GSA itu adalah satu yang praktikal.

Langkah itu bukan sahaja dapat melindungi kepentingan pengeluar tetapi juga menstabil penggunaan dan pengeluaran timah, tambahnya.

Beliau memberitahu Perkhidmatan Ekonomi Bernama bahawa kalangan syarikat perlombongan pam kelikir gembira yang kerajaan merancang mengambil langkah tersebut.

Seorang jurucakap Dewan Perlombongan Bumiputera Malaysia berkata usaha membeli lebihan timah terutama jualan dari GSA adalah satu langkah yang bijak.

Beliau bagaimanapun mengingatkan kerajaan tentang kesan buruk jika campur tangan dibuat dalam keadaan pasaran yang kuat yang boleh memberi kesan

buruk.

Jurucakap itu berpendapat pada pandangan pihak pengeluar langkah itu akan memberi faedah kepada mereka.

Bagaimanapun beliau berkata, dipihak negara pula cadangan seumpama itu akan melibatkan wang yang banyak.

Jurucakap itu bagaimanapun berkata kerajaan mempunyai ramai pakar yang boleh melaksanakan rancangan itu dengan perhatian untuk melindungi kepentingan pengeluar dan juga negara.

GSA menjual 11,002 tonne timah di antara bulan Julai 1980 hingga 10 Mac tahun ini.

Dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini GSA menjual 700 tonne logam tersebut.

Kedua-dua Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datuk Musa menyatakan apa yang Malaysia mahu dari Amerika Syarikat ialah notis lebih awal mengenai jualan GSA.

Ini akan membolehkan Malaysia mengambil langkah tertentu sebagai persiapan menghadapi kesan jualan GSA itu.

Sementara itu harga timah straits hari ini ialah \$31.55 satu kilo, yang masih lagi dalam lingkungan jajaran peringkat bawah harga Majlis Bijih Timah Antarabangsa (ITA) di antara \$29.15 hingga \$32.06.

Jumlah tawaran ialah 230 tonne. — BE Bernama.

Bisik-Bisik

DATUK Sri Dr. Mahathir tidak mahu pertubuhan-pertubuhan Melayu mewujudkan puak-puak kerana boleh melemahkan pencapaian masyarakat Melayu.

12 APR 1983

Bila berpuak-puak, maka banyak masa dihabiskan untuk membuat surat terbang, untuk berjuang dengan "malu-malu" dan tidak dengan "terus-terang."

Akhirnya kita jadi masyarakat "kabar angin" dan bukannya masyarakat cekap, bersih dan amanah.

Awang — Penyebar kabar benar.

Awang Selamat